

## Pelantikan Ismail Sabri sebagai PM sah, mengikut Perlembagaan - Peguam Negara



TAN Sri Idrus Harun

Kuala Lumpur: Tiada keperluan untuk mengabsahkan pelantikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan kerajaan yang telah dibentuk mengikut lunas undang-undang, kata Peguam Negara Tan Sri Idrus Harun.

Kenyataan beliau hari ini memaklumkan langkah mengabsahkan pelantikan perdana menteri adalah tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan meniadakan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Sekiranya pelantikan perdana menteri yang baharu masih memerlukan keabsahan oleh mana-mana pihak selain daripada Seri Paduka Baginda, ini bermakna kuasa mutlak Seri Paduka Baginda boleh diatasi oleh pihak lain," katanya.

Idrus berkata, Perkara 40(2)(a) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa budi bicara kepada Seri Paduka untuk melantik Perdana Menteri dan harus dibaca bersama Perkara 43(2)(a) iaitu Perdana Menteri hendaklah dilantik dalam kalangan Ahli Dewan Rakyat yang pada hemat Seri Paduka mungkin mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat.



Grab yours at 10% off  
**10% Off Latest Dresses**  
 Girl's Monday

### Trending



Pembantu pegawai perubahan maut, pemandu ambulans parah



Lelaki maut akibat parah di pergelangan tangan, terbelah pintu masjid hari sebelumnya



Polis tahan 2 lelaki bergaduh di PPV



Guru dipercayai meninggal dunia sejak 2 hari lalu di rumah



'Dia akan cari dan pegang kaki saya

Katanya justeru, pelantikan Perdana Menteri adalah tanggungjawab perlembagaan dan kuasa mutlak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Idrus berkata, tatacara penentuan sama ada seseorang itu mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat telah pun diputuskan oleh Seri Paduka sendiri.

"Bagi tujuan itu, Seri Paduka Baginda telah pun mengadakan sesi menghadap bersama ketua-ketua parti politik utama negara pada 17 Ogos dan kesemua 220 Ahli Dewan Rakyat telah diminta untuk menyatakan nama Ahli Dewan Rakyat yang diberikan kepercayaan oleh Ahli Dewan Rakyat tersebut untuk menjadi Perdana Menteri menerusi surat akuan," katanya.

Beliau berkata, nama bakal Perdana Menteri daripada kesemua 220 Ahli Dewan Rakyat telah dikemukakan kepada pihak Istana Negara menerusi surat akuan pada 18 Ogos lepas.

Katanya, susulan itu, Seri Paduka telah berkenan menerima menghadap seramai 114 Ahli Dewan Rakyat pada 19 Ogos untuk mengesahkan kepercayaan mereka kepada Ahli Dewan Rakyat yang telah dicalonkan untuk dilantik sebagai Perdana Menteri iaitu Ismail Sabri, Ahli Parlimen Bera.

Idrus berkata, pada 21 Ogos lalu, Perdana Menteri yang baharu telah pun mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan serta sumpah taat setia dan juga sumpah simpan rahsia di hadapan Seri Paduka menurut kehendak Perkara 43(6) Perlembagaan Persekutuan.

"Selaras dengan proses pemilihan yang telah dijalankan oleh Seri Paduka dengan teliti dan telus untuk melantik Perdana Menteri kesembilan seperti yang dinyatakan, secara jelasnya pelantikan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri adalah sah dan menurut kehendak Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Disiarkan pada: September 4, 2021 @ 7:08pm

sebelum  
tidur' - Ibu  
mangsa

#### Mutakhir



Peragut  
ditahan  
selepas  
kegiatan  
dirakam  
'dashcam'



Vaksinasi  
secara  
'walk-in' di  
Lembah  
Klang  
dihentikan  
selepas 15



Bekas  
kakitangan  
JAIM  
direman  
kes  
seleweng  
lebih  
gaji



10 kedai  
warga  
asing di  
Klang  
Utara  
diserbu



SAINS  
rugi  
RM1.2